

26 MAY 2004

Abdullah-Dialog

ABDULLAH IKRAR TERUSKAN DIALOG PERKONGSIAN PINTAR

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Isu kemiskinan, hubungan antara kaum, HIV dan Aids, dadah serta jenayah akan terus menjadi topik perbincangan pada Global 2004, dialog perkongsian pintar tahunan yang khususnya membabitkan negara-negara membangun, di Langkawi dari 29 hingga 31 Julai ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata beliau komited untuk meneruskan dialog perkongsian pintar yang dimulakan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1995.

"Ia akan diteruskan dan saya mahu melihat dialog Langkawi kali ini lebih berjaya," katanya pada pelancaran media Global 2004 International Smart Partnership Dialogue yang bertemakan 'Towards a Smarter Globe' di sini hari ini.

Perdana Menteri sebelum itu mengadakan perbincangan dengan Raja Swaziland King Mswati III, tuan rumah dialog Global 2003 yang berlangsung di Ezulwini.

Abdullah berkata perbincangan hari ini sekali ini menekankan tentang faedah pendekatan saling beruntung yang menjadi falsafah perkongsian pintar.

King Mswati juga menyampaikan rumusan dialog di Ezulwini kepada Perdana Menteri.

Dialog antarabangsa itu diadakan selang setahun antara Langkawi dan Afrika.

Raja Swaziland itu turut melahirkan keyakinan Abdullah akan terus menyuburkan idea-idea perkongsian pintar.

"Global 2004 Langkawi akan terus mengembangkan kerjasama melalui dialog yang merupakan pendekatan membina bangsa yang telah terbukti, tidak melibatkan keganasan dan konstruktif," katanya.

King Mswati berkata Afrika telah menghayati konsep perkongsian pintar dan meraih faedah interaksi antara negara peserta dalam bidang perdagangan dan perniagaan serta pelbagai bidang lain.

Menjawab satu soalan, beliau berkata negara-negara Afrika sedang berusaha sedaya upaya membaiki nasib penduduknya walaupun dalam masa yang sama terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah sosial, kesihatan dan ekonomi.

"Masalah-masalah itu tidak dapat diselesaikan dalam masa sehari tetapi kami berazam. Dengan sokongan pergerakan perkongsian pintar, saya yakin kami akan berjaya," katanya.

-- BERNAMA

MAM MOZ